



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
SuruhanjayaPerkhidmatan (Pindaan) 1982
DR.1/1982

Rang undang 1982

BIC 1-29

Naskhah sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1982 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 15hb Mei 1981.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "the Railway Service Commission," dalam seksyen kecil (1).

Pindaan seksyen 2. 74/57.

3. Seksyen 10 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "First and Second Schedules" dalam seksyen kecil (1) dengan perkataan "Schedule".

Pindaan seksyen 10.

4. Seksyen 13 Ordinan adalah dipinda dengan memotong perkataan "Second" yang terdapat di dalamnya dan di dalam nota birai kepadanya.

Pindaan seksyen 13.

Pemoto-
ngan Jadual
Pertama.

5. Ordinan adalah dipinda dengan memotong Jadual Pertama kepadanya.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957—

- (a) memandangkan kepada penghapusan Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi; dan
- (b) untuk menyatukan Jadual Pertama dan Kedua yang ada sekarang kepada satu Jadual yang boleh dipinda oleh Yang di-Pertuan Agong melalui peraturan-peraturan dari semasa ke semasa.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1116.]